



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN KEBENARAN PDA 2  
PERKHIDMATAN BUNKERING**

## **ISI KANDUNGAN**

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.	Tujuan	3
2.	Tafsiran	3
3.	Syarat – Syarat Am Permohonan Baharu	6
4.	Syarat – syarat Kebenaran PDA	8
5.	Keperluan Naziran	9
6.	Tempoh Kelulusan	9
7.	Fee dan Kaedah Pembayaran	9
8.	Tatacara dan Makluman Am	10
9.	Penyerahan Kebenaran PDA	11
10.	Carta Alir Proses	12
11.	Senarai Semak	13
12.	Pertanyaan Lanjut	15

## **1.0 TUJUAN**

Garis Panduan ini disediakan untuk menjelaskan tatacara permohonan Kebenaran PDA bagi menjalankan aktiviti bunkering bahan petroleum di Malaysia.

## **2.0 TAFSIRAN**

2.1 “*Bunkering*” ialah kegiatan menyalurkan apa-apa jenis bahan api (yang mengandungi produk petroleum) untuk menggerakkan/kegunaan enjin kapal (kapal penerima) di dalam kawasan had pelabuhan atau jeti yang diberi kebenaran oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

2.2 Had pelabuhan di Malaysia:

- 1.
2. Kawasan di air di mana pihak pengurusan pelabuhan seperti Lembaga/ Suruhanjaya Pelabuhan mempunyai bidang kuasa terhadap operasi dan pelayaran yang dijalankan di kawasan tersebut.

2.3 Lembaga/ Suruhanjaya Pelabuhan merujuk kepada agensi-agensi berikut:

- i) Lembaga Pelabuhan Klang
- ii) Lembaga Pelabuhan Johor
- iii) Lembaga Pelabuhan Kuantan
- iv) Lembaga Pelabuhan Kemaman
- v) Lembaga Pelabuhan Bintulu
- vi) Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang

- 2.4 "Jeti persendirian" ialah jeti-jeti yang tidak berada di bawah pentadbiran Lembaga/ Suruhanjaya Pelabuhan atau agensi-agensi berkuasa yang lain.
- 2.5 "Pemindahan Kapal-ke-Kapal/ *Ship-To-Ship Transshipment (STS)*" ialah pemindahan bahan-bahan dari tangki kargo satu kapal ke tangki kargo satu kapal yang lain.
- 2.6 "Produk petroleum" ialah apa-apa bahan atau campuran yang mengandungi elemen petroleum termasuk produk-produk berikut:
- i) Marine Fuel Oil (MFO)
  - ii) Marine Gas Oil (MGO)
  - iii) Liquefied Natural Gas (LNG)
  - iv) Petrol
  - v) Diesel
- 2.7 Syarikat pembekal utama :
- i) Petronas Dagangan Berhad
  - ii) Shell Malaysia Trading Sdn. Bhd.
  - iii) Petron Malaysia Refining & Marketing Bhd
  - iv) Chevron Malaysia Limited
  - v) Boustead Petroleum Marketing Sdn. Bhd.
  - vi) Xcel Petroleum Sdn. Bhd.
  - vii) Hengyuan Refining Company Bhd.
  - viii) Five Petroleum Malaysia Sdn. Bhd.
  - ix) SEDC Energy Sdn. Bhd.
- 2.8 "Minyak jenama import" ialah produk petroleum yang diperoleh daripada pembekal minyak luar negara

- 2.9 “Syarikat minyak jenama tempatan” ialah syarikat yang menjalankan aktiviti pemprosesan minyak dan seterusnya memasarkan produk berkenaan menggunakan jenama sendiri (tempatan) di dalam Negara.
- 2.10 “Bumiputera” ialah Bumiputera ialah penduduk asal sesuatu tempat. Perlembagaan Persekutuan, perlembagaan memberikan hak-hak istimewa kepada orang Melayu dan Bumiputera.
- 2.11 “Modal berbayar” ialah modal yang telah dibayar oleh pemegang saham syarikat.
- 2.12 “Modal kerja” ialah modal yang dikeluarkan bagi membiayai belian tunai.

### **3.0 SYARAT-SYARAT AM PERMOHONAN BAHARU**

3.1 Syarat –syarat am adalah seperti jadual di bawah:

Syarat	Keterangan
Struktur Syarikat	Berstatus Sendirian Berhad/ Berhad yang diperbadankan di Malaysia
Minimum Modal Berbayar	RM 500,000
Jenis Pemilikan	Minimum pegangan ekuiti 30% Bumiputera
Ekuiti Asing	Maksimum 30%
Tempoh Kelulusan (Maksimum)	<b>3 Tahun</b> (tertakluk kepada pertimbangan Kementerian)

3.2 Pengesahan status Bumiputera boleh dilakukan dengan mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut:

- a) Individu: sijil lahir/ surat akuan Mahkamah Anak Negeri; dan
- b) Syarikat: surat pengesahan status Bumiputera daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

3.3 Pemohon perlu mendapat sokongan pembekalan dari syarikat pembekal utama atau syarikat pembekal minyak jenama tempatan yang memiliki Kebenaran PDA daripada Kerajaan.

3.4 Aktiviti *bunkering* mestilah dijalankan di dalam kawasan had pelabuhan Lembaga/ Suruhanjaya Pelabuhan yang berkenaan atau di jeti yang diluluskan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

3.5 Aktiviti *bunkering* di jeti persendirian adalah tidak dibenarkan.

3.6 Kaedah *bunkering* yang dibenarkan oleh pihak Kementerian adalah seperti berikut :

- i) Kapal tangki/ *barge*
- ii) Saluran paip
- iii) Lori tangki

#### **4.0 SYARAT-SYARAT KEBENARAN PDA**

- 4.1. Kebenaran PDA ini **tidak boleh dipindah milik** tanpa kebenaran daripada KPDNHEP;
- 4.2. Kebenaran PDA ini hendaklah **dipamerkan** dengan jelas di premis perniagaan yang telah diluluskan;
- 4.3. Pemegang Kebenaran PDA ini perlu **mendapatkan kelulusan KPDNHEP sebelum membuat sebarang pindaan** mana-mana bahagian atau melakukan sebarang perubahan di dalam struktur syarikat sama ada dari segi ekuiti, lembaga pengarah, hak milik, syarikat pembekal, dan sebagainya;
- 4.4. Pemegang Kebenaran PDA ini perlu mengemukakan permohonan pembaharuan kebenaran PDA, **tiga (3) bulan sebelum** tarikh tempoh tamat;
- 4.5. Pemegang Kebenaran PDA ini perlu mengemukakan dengan **lengkap dan tepat** apa-apa maklumat penjelasan yang diminta oleh KPDNHEP;
- 4.6. Pemegang Kebenaran PDA ini **tidak akan mengambil apa-apa tindakan undang-undang atau menuntut ganti rugi** dari mana-mana pihak sekiranya Kebenaran PDA tidak diperbaharui atau dilanjutkan atas sebab-sebab kecuaian dan kegagalan pemegang Kebenaran sendiri;
- 4.7. Pemegang Kebenaran PDA ini wajib mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dan telah **mendapat kelulusan KPDNHEP secara bertulis sebelum membuat sebarang promosi** berkaitan barang di stesen seperti alamat yang tertera di dalam Kebenaran PDA ini;

- 4.8. Pemegang Kebenaran PDA ini diwajibkan **mematuhi semua syarat** Kebenaran PDA yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh KPDNHEP dan mematuhi mana-mana undang-undang di Malaysia dan tidak menjalankan aktiviti-aktiviti yang bertentangan dengan mana-mana undang-undang itu; dan
- 4.9. Kebenaran PDA ini akan **dibatalkan apabila ada pelanggaran** mana-mana syarat-syarat di atas atau peruntukan-peruntukan di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 atau mana-mana perundungan kecil dibawahnya atau mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia;

## 5.0 KEPERLUAN NAZIRAN

Kementerian berhak melaksanakan naziran ke atas syarikat pada bila-bila masa tertakluk kepada keperluan.

## 6.0 TEMPOH KELULUSAN

Permohonan baharu dan pembaharuan (tanpa sebarang pindaan maklumat) akan diproses dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja di atas talian (sistem BLESS 2.0) tertakluk kepada dokumen lengkap yang diterima Kementerian.

## 7.0 FEE DAN KAEDAH PEMBAYARAN

Bayaran bagi **Kebenaran PDA adalah RM25.00 untuk satu (1) tahun menggunakan kaedah pembayaran secara atas talian (*online*) menggunakan portal Maybank2U.**


## **8.0 TATACARA DAN MAKLUMAN AM**

- 8.1 Pemohon dikehendaki mengemukakan permohonan baharu dan pembaharuan melalui atas talian di laman sesawang BLESS 2.0 (<https://bless2.bless.gov.my/bless2>) dan memuat naik dokumen-dokumen sokongan di dalam sistem.
- 8.2 Permohonan yang dikemukakan melebihi tempoh enam (6) bulan tanpa sebarang maklum balas daripada pemohon **DIANGGAP TERBATAL DENGAN SENDIRINYA**. Pemohon perlu membuat permohonan baharu menerusi sistem BLESS 2.0.
- 8.3 Bagi permohonan pembaharuan, **kelewatan memperbaharui Kebenaran PDA melebihi satu (1) tahun** daripada tarikh tamat tempoh Kebenaran PDA menyebabkan Kebenaran PDA dengan sendirinya terbatal. Pemohon perlu membuat permohonan baharu menerusi sistem BLESS 2.0.

## **9.0 PENYERAHAN KEBENARAN PDA**

- 9.1 Bahagian ini akan mengeluarkan pemakluman secara emel kepada pemohon setelah Kebenaran PDA sedia untuk diambil. Pemakluman *Licence Collection and Payment* di dalam sistem BLESS 2.0 tidak boleh digunakan untuk membuat pembayaran dan pengambilan Kebenaran PDA di kaunter.
- 9.2 Berikut merupakan kaedah pengambilan Kebenaran PDA yang dibenarkan:
1. Serahan di kaunter:
    - a) Permohonan baharu : Hanya pemilik atau pemegang saham syarikat dibenarkan untuk mengambil Kebenaran PDA;
    - b) Permohonan pembaharuan:
      - Pemilik atau pemegang saham syarikat atau wakil syarikat minyak dibenarkan untuk mengambil Kebenaran PDA. Wakil syarikat perlu mengemukakan surat wakil (dokumen asal) ;dan
      - Salinan kad pengenalan wakil untuk mengambil Kebenaran PDA.
  2. Melalui wakil sah yang dilantik oleh syarikat pembekal minyak.
- 9.3 Kebenaran PDA yang telah siap hendaklah dituntut oleh pemohon dalam tempoh **30 hari** daripada tarikh pemakluman dibuat atau Kebenaran PDA boleh **dibatalkan kerana tidak dituntut**.

## **10.0 CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN KEBENARAN PDA 2**



## **11.0 SENARAI SEMAK:**

11.1 **Permohonan baru Kebenaran PDA** bagi mengusahakan perniagaan aktiviti *bunkering*.

<b>BIL</b>	<b>DOKUMEN</b>
1	Cetakan penuh maklumat syarikat (SSM) yang terkini (tiga (3) bulan daripada tarikh permohonan)
2	<b>Surat sokongan syarikat pembekal</b> yang ASAL & TERKINI (enam (6) bulan daripada tarikh surat sokongan dikeluarkan) yang dialamatkan kepada Ketua Setiausaha (KSU), KPDNHEP. Surat sokongan tersebut perlu menyatakan: <ol style="list-style-type: none"> <li>Alamat premis perniagaan yang <b>SAMA</b> dengan alamat di Lesen PBT</li> <li>Jenis Kebenaran PDA yang dimohon</li> <li>Bahan dan kawasan aktiviti bunkering</li> <li>Kaedah bunkering yang dicadangkan</li> <li>Syor tempoh kelulusan Kebenaran PDA</li> <li>Ditandatangani oleh penandatangan yang SAH (<i>authorized signature</i>) syarikat pembekal</li> </ol>
3	<b>Surat Sokongan Lembaga/ Suruhanjaya Pelabuhan</b> yang berkenaan bagi permohonan menjalankan aktiviti bunkering di kawasan had pelabuhan
4	<b>Sijil Pendaftaran Kapal (Certificate of Vessel Registry)</b> bagi permohonan menjalankan aktiviti bunkering melalui kaedah kapal tangki dan <i>barge</i>
5	<i>Time Chartered Agreement/Spot Chartered Agreement</i> sekiranya syarikat menyewa kapal/barge pihak ketiga untuk permohonan aktiviti bunkering melalui kaedah kapal tangki dan barge
6	Penyata akaun bank ( <i>bank statement</i> ) bagi satu (1) bulan TERKINI atas nama syarikat ( <i>trade name</i> )
7	Salinan Lesen Perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)/ Surat Kebenaran daripada PBT yang masih sah

**11.2 Permohonan pembaharuan Kebenaran PDA bagi aktiviti  
Bunkering:**

<b>BIL</b>	<b>DOKUMEN</b>
1.	Salinan Kebenaran PDA dan lampiran pemegang saham yang dikeluarkan bersama Kebenaran PDA
2.	Cetakan penuh maklumat syarikat (SSM) yang terkini (tiga (3) bulan daripada tarikh permohonan)
3.	<p><b>Surat sokongan syarikat pembekal</b> yang ASAL &amp; TERKINI (enam (6) bulan daripada tarikh surat sokongan dikeluarkan) yang dialamatkan kepada Ketua Setiausaha, KPDNHEP. Surat sokongan tersebut perlu menyatakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Alamat premis perniagaan yang <b>SAMA</b> dengan alamat di Lesen PBT;</li> <li>b) Kebenaran dan aktiviti yang dimohon</li> <li>c) Bahan dan kawasan aktiviti bunkering</li> <li>d) Kaedah bunkering yang dicadangkan</li> <li>e) Syor tempoh kelulusan Kebenaran PDA</li> <li>f) Ditandatangani oleh penandatangan yang SAH (<i>authorized signature</i>) syarikat pembekal.</li> </ul>
4.	Salinan Lesen Perniagaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) / Salinan surat perakuan luar kawasan PBT

## **12.0 Pertanyaan Lanjut**

12.1 Sebarang pertanyaan lanjut bolehlah dikemukakan kepada:

Pengarah Kanan  
Sektor Barang Kawalan dan Subsidi  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)  
Aras 4, No. 12, Persiaran Perdana, Presint 2  
62623 PUTRAJAYA

Seksyen Pelesenan Petroleum  
Bahagian Kawal Selia Petroleum

<b>Emel</b>	<b>Telefon</b>
<a href="mailto:najibzakuan.ali@kpdnhep.gov.my">najibzakuan.ali@kpdnhep.gov.my</a>	03 – 8882 7099
<a href="mailto:aqilah@kpdnhep.gov.my">aqilah@kpdnhep.gov.my</a>	03 – 8882 5871
<a href="mailto:nuramira@kpdnhep.gov.my">nuramira@kpdnhep.gov.my</a>	03 – 8882 5837
<a href="mailto:syauqi@kpdnhep.gov.my">syauqi@kpdnhep.gov.my</a>	03 – 8882 5898
<a href="mailto:fariha@kpdnhep.gov.my">fariha@kpdnhep.gov.my</a>	03 – 8882 6989
<a href="mailto:imranhanafi@kpdnhep.gov.my">imranhanafi@kpdnhep.gov.my</a>	03 – 8882 6991
<a href="mailto:jaunaqistina@kpdnhep.gov.my">jaunaqistina@kpdnhep.gov.my</a>	03 – 8882 5924

*Seksyen Pelesenan Petroleum  
Bahagian Kawal Selia Petroleum  
Sektor Barang Kawalan dan Subsidi  
KPDNHEP  
Julai 2022*